



Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

VoA
2023
Volume 19 Issue 1

COMMITTEE PAGE

VOICE OF ACADEMIA

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah Branch

ADVISORY BOARD MEMBER

PROFESSOR DR. ROSHIMA HAJI. SAID
ASSOCIATE PROFESSOR TS. DR. AZHARI MD HASHIM

CHIEF EDITOR

DR. JUNAIDA ISMAIL

MANAGING EDITOR

MOHD NAZIR RABUN

EDITORIAL TEAM

AISHAH MUSA
ETTY HARNIZA HARUN
INTAN SYAHRIZA AZIZAN
KHAIRUL WANIS AHMAD
SYAHRINI SHAWALLUDIN

EDITORIAL BOARD

PROFESSOR DR. DIANA KOPEVA

UNIVERSITY OF NATIONAL AND WORLD ECONOMY, SOFIA, BULGARIA

PROFESSOR DR. KIYMET TUNCA CALIYURT

FACULTY OF ACCOUNTANCY, TRAKYA UNIVERSITY, EDIRNE, TURKEY

PROFESSOR DR. M. NAUMAN FAROOQI

*FACULTY OF BUSINESS & SOCIAL SCIENCES, MOUNT ALLISON UNIVERSITY, NEW
BRUNSWICK, CANADA*

PROFESSOR DR. SIVAMURUGAN PANDIAN

SCHOOL OF SOCIAL SCIENCE, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG

DR. IRA PATRIANI
FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & POLITIC,
UNIVERSITAS TANJUNG PURA UNTAN, INDONESIA

DR. RIZAL ZAMANI IDRIS
FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & HUMANITIES,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH UMS, SABAH

DR. SIMON JACKSON
FACULTY OF HEALTH, ARTS AND DESIGN,
SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MELBOURNE, AUST

PROFESSOR MADYA DR. WAN ADIBAH WAN ISMAIL
FACULTY OF ACCOUNTANCY,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. AZLYN AHMAD ZAWAWI
FACULTY OF ADMINISTRATIVE SCIENCES & POLICY STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. AZYYATI ANUAR
FACULTY OF BUSINESS MANAGEMENT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. MUHAMAD KHAIRUL ANUAR ZULKEPLI
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

DR. NEESA AMEERA MOHAMMED SALIM
COLLEGE OF CREATIVE ARTS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM, MALAYSIA

DR ROSIDAH AHMAD
FACULTY COMPUTER SCIENCE AND MATHEMATICS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA

CONTENT REVIEWER

PROF MADYA DR NUR HISHAM IBRAHIM, UiTM PERAK
PROF MADYA DR SULIKHAH ASMOROWATI, UNAIR, INDONESIA
PROF MADYA DR WAN ADIBAH WAN ISMAIL, UiTM KEDAH
DR ALIAMAT OMAR ALI, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
DR ABDUL RAHMAN ABDUL LATIF, UMT
DR DAING MARUAK, ACIS, UiTM KEDAH

DR NOOR SYAHIDAH MOHAMAD AKHIR, UiTM KEDAH

DR NOR ZAINI ZAINAL ABIDIN, UiTM KEDAH

DR NUR AIDA KIPLI, FSPPP, UiTM SARAWAK

DR NUR ZAFIFA KAMARUNZAM, UiTM SEREMBAN 3

DR NOR ZAINI ZAINAL ABIDIN, UiTM KEDAH

DR REEZLIN ABD RAHMAN, KOLEJ KOMUNITI

DR ROHAYATI HUSSIN, UiTM KEDAH

DR SHATINA SAAD, UiTM SHAH ALAM

DR. SITI MARIAM NORRULASHIKIN, UTM, JOHOR

DR UNGKU KHAIRUNNISA UNGKU MOHD NORDIN, UTM

DR ZURAIDA MOHAMED ISA, UiTM KEDAH

EN AZLAN ABD RAHMAN, UiTM KEDAH

CIK FARIDAH ZULKIPLI, UiTM PERAK

LANGUAGE REVIEWER

DR WAN JUMANI FAUZI, CENTER FOR MODERN LANGUAGE, UMP

DR. NURUL KAMALIA BINTI YUSUF, APB, UiTM SERI ISKANDAR

*DR UNGKU KHAIRUNNISAN UNGKU MOHD NORDIN, LANGUAGE ACADEMY UTM,
JOHOR*

DR WAN IRHAM ISHAK, SENIOR LECTURER, APB, UiTM KEDAH

PN AISHAH MUSA, SENIOR LECTURER, APB, UiTM KEDAH

EN AZLAN ABD RAHMAN, UiTM KEDAH

EN AZRUL SHAHIMY MOHD YUSOF, APB, UiTM KEDAH

PN HO CHUI CHUI, SENIOR LECTURER, APB, UiTM KEDAH

PN BAWANI SELVARAJ, SENIOR LECTURER, APB, UiTM KEDAH

PN JUWAIRIAH OSMAN, FELO AKADEMI PENGAJIAN MELAYU, UM
PN PHAVEENA PRIMSUWAN, SENIOR LECTURER, APB, UiTM KEDAH
PN RAZANAWATI NORDIN, SENIOR LECTURER. APB, UiTM KEDAH
PN SHAFINAH MD SALLEH, SENIOR LECTURER, APB, UiTM KEDAH
CIK IREEN MUNIRA IBRAHIM, UiTM PERAK
NOREHA MOHAMED YUSOF, UiTM NEGERI SEMBILAN

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2022 by the Universiti Teknologi MARA Press

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

LEVERAGING THE SERVICE INNOVATION OF LOCAL MEDICAL UNIVERSITIES IN CHINA: THE PERSPECTIVE OF TEACHERS' PROFESSIONAL DEVELOPMENT Lu Liu ¹ , Boo Ho Voon ^{2*} , Muhammad Iskandar Hamzah ³ & JiaJie He ⁴	1 -16
EXPLORING THE DRIVERS OF POVERTY LINE INCOME IN MALAYSIA Nurhani Elisya Zainal ¹ , Siti Aishah Salleh ² , Nurul Adilah Hasnorrul Hadi ³ , Nurul Izzaty Syazwani Roslan ⁴ , Amirul Hakim Abd Aziz ⁵ & Ahmad Syahmi Ahmad Fadzil ⁶	17 -28
THE ROLE OF TEAM LEADERSHIP ON SEARCH AND RESCUE (SAR) TEAM PERFORMANCE IN DISASTER MANAGEMENT Norsyazwani Ab Halim ¹ Azlyn Ahmad Zawawi ^{2*} , Ashrul Riezal Asbar ³	29 - 43
THE SUSTAINABILITY OF MALAYSIAN AGRICULTURE BASIC FOOD PRODUCTION BY 2030 Suzilah Ismail ¹ & Thanusha Palmira Thangarajah ²	44 - 52
DYNAMICS SIMULATION APPROACH IN MODEL DEVELOPMENT OF UNSOLD NEW RESIDENTIAL HOUSING IN JOHOR Lok Lee Wen ¹ & Hasimah Sapir ²	53 - 65
DEVELOPING A HEALTH-CENTERED MEDICAL HUMANITY EDUCATION FOR SERVICE EXCELLENCE Haifeng Zhang ¹ , Malvern Abdullah ² , Boo Ho Voon ^{3*} , Margaret Lucy Gregory ⁴ & Yuan Su ⁵	66 - 78
THE CONCEPT OF UMSRAH DIY Siti Atikah Rusli ¹ , Arni Abdul Gani ^{2*} & Nor Asmalina Mohd Anuar ³	79 - 92
CHETTI MELAKA OF THE STRAITS: A CONCEPTUAL PAPER OF MILLENNIAL INTENTION TO CONSUME PERANAKAN INDIAN CUISINE Muhamad Jufri Ismail ¹ , Muhammad Safuan Abdul Latip ^{2*}	93 - 103
ASSESSING USAGE OF METACOGNITIVE ONLINE READING STRATEGY AND ITS RELATIONSHIP WITH STUDENTS' COMPREHENSION ACHIEVEMENT IN THE NEW NORM Saripah Anak Sinas ¹ , Suthagar A/L Narasuman ² and Sandra Phek-Lin Sim ³	104 - 119
DETERMINANTS OF COVID-19 DEATHS IN THE EARLY STAGE OF THE PANDEMIC: WORLDWIDE PANEL DATA EMPIRICAL EVIDENCE Siew King Ting ¹ , Howe Eng Tang ² , Tze Wee La ³ , Li Li Lau ⁴ & Lucy Batchy Gabriel Puem ⁵	120 - 134
INFLUENCING FACTORS ON THE DECORATIVE ART FEATURES OF TRADITIONAL WINDOWS AND DOORS IN THE SOUTH YANGTZE RIVER REGIONS OF CHINA Wang Lukun ¹ & Azhari Md Hashim ^{2*}	135 - 148
THE STEWARDSHIP OF BENEVOLENCE: ITS IMPORTANCE IN ACHIEVING ACCOUNTABILITY AND PUBLIC TRUST TOWARDS LOCAL GOVERNMENT Nor Zaini Zainal Abidin ^{1*} , Azni Syafena Andin Salamat ²	149 - 158
DETERMINANTS OF RECYCLING INTENTION AMONG PUBLIC UNIVERSITY STUDENTS IN TERENGGANU Hani Sakina Mohamad Yusuf ^{1*} , Sofiah Ngah ² , Suzila Mat Salleh ¹ , Siti Fatimah Mardiah Hamzah ¹ , Noor Hafiza Mohammed ¹	159 - 168
VARK LEARNING STYLE PREFERENCES AMONG MALAYSIAN UNIVERSITY STUDENTS IN OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL) Nurul Nadiah Rasdi ^{1*} , Ahmad Najmie Rusli ²	169 - 182

TINJAUAN LITERATUR PEMBANGUNAN APLIKASI KOSA KATA BAHASA ARAB KOMUNIKASI MUFRADATI PELAJAR UİTM Muhamad Khairul Anuar Zulkepli ¹ , Burhanuddin Wahab ² , Ahmad Fauzi Yahaya ³ , Mohd Zulkhairi Abd Hamid ⁴ , Norhayuza Mohamad ⁵	183 - 195
DETERMINANTS OF TRADE BALANCE IN SOUTHEAST ASIAN COUNTRIES Wan Syahira Illyana Wan Shahrul Bahrin ¹ , Bee-Hoong Tay ²	196 - 207
PEMBANGUNAN PAUTAN i-SOURCE UİTM PRESS 2 U (THE DEVELOPMENT OF i-SOURCE UİTM PRESS 2 U LINK) Azyyati binti Anuar ¹ , Daing Maruak Sadek ² , Juaini Jamaludin ³ , Roshidah Safeei ⁴ , Nor Hafizah Abdul Razak ⁵ , Junaida Ismail ⁶ , Mas Aida Abd Rahim ⁷ & Firdaus Abdul Rahman ⁸	208 - 220
COMPARATIVE ANALYSIS ON DEFINITIONS AND TYPES OF APOLOGIES IN APOLOGY LEGISLATION IN THE UK, REPUBLIC OF IRELAND, AUSTRALIA, CANADA, THE USA AND HONG KONG Nurul Shuhada Suhaimi ¹ , Haswira Nor Mohamad Hashim ² & Noraiza Abdul Rahman ³	221 - 223
PERSPECTIVES: GOOGLE TRANSLATE USAGE Aishah Musa ¹ , Rafidah Amat ²	224 - 239
NO TIME TO DISPOSE? A STUDY ON THE CORRELATIONS AND ITS CONTRIBUTING FACTORS AFFECTING UNIVERSITY STUDENTS' INTENTION TO PRACTISE E-WASTE Muhamad Azfar Bin Mohamad Zuhdi ¹ , Mohd Nazir Rabun ² , Haziq Iskandar Bin Hamdan ³ , Mohd Rozaimy Ridzuan ⁴	240 - 261

PEMBANGUNAN PAUTAN i-SOURCE UiTM PRESS 2 U

(THE DEVELOPMENT OF i-SOURCE UiTM PRESS 2 U LINK)

**Azyyati binti Anuar¹, Daing Maruak Sadek^{2*}, Juaini Jamaludin³, Roshidah Safeei⁴,
Nor Hafizah Abdul Razak⁵ Junaida Ismail⁶, Mas Aida Abd Rahim⁷
& Firdaus Abdul Rahman⁸**

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari

³Kolej Pengajian Seni Kreatif

⁴Fakulti Perakaunan

⁵Fakulti Sains Komputer dan Matematik

⁶Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi

⁷Akademi Pengajian Bahasa

⁸Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah
08400, Merbok, Kedah Darul Aman

ARTICLE INFO

Article history:

Received Feb 2022
Accepted April 2022
Published Jan 2023

Kata kunci:

i-source UiTM Press 2 U,
pautan, maklumat berpusat

*Corresponding author:
daingmaruak@gmail.com

ABSTRACT

i-source UiTM Press 2 U is a centralized access to facilitate UiTM Kedah Branch staff to obtain the necessary information. This project is the result of group members after identifying the problems faced by UiTM staff. Among the problems identified are, there is no proper guidance in writing a book, authors do not know the documents that need to be filled, they do not know the publication procedures and no centralized information channel that can be referred to. This problem is identified through a survey done in a form of questionnaire. The result of the survey found that the main problem faced is no specific platform for respondents to refer to in obtaining information related to writing and publishing books. Therefore, the main objective of this study is to create a centralized and effective information channel to improve the quality and productivity of work. To ensure that this achievement is successful, plan, do, control and action measurement tools have been used to test the effectiveness of this innovative product. After the run test was done, it was found that the time to access only took one to two minutes

compared to before it was developed that would take 24 hours and sometimes more in searching for the information as it was previously not centralized. Thus, the result of this innovative product is expected to assist the staff of UiTM Kedah Branch in obtaining information on writing and publishing books in no time with a more effective writing process. This product is also expected to obtain a copyright and would be able to give a great impact to all UiTM campuses in Malaysia on how important this centralized information channel is created. In addition, a good environment between UiTM staff in making a good culture of writing could be created and in turn could contribute to key performance indicators to UiTM as a whole.

i-source UiTM Press 2 U merupakan satu capaian berpusat bagi memudahkan warga UiTM Cawangan Kedah memperoleh maklumat yang diperlukan. Projek ini hasil kerjasama ahli kumpulan selepas mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh staff UiTM. Antara masalah yang dikenalpasti ialah tiada panduan yang tepat dalam menulis buku, tidak tahu dokumen yang perlu diisi, tidak tahu prosedur penerbitan dan tiada saluran maklumat berpusat yang boleh dirujuk. Masalah ini diperolehi dengan membuat tinjauan berbentuk soal selidik. Hasil tinjauan didapati masalah utama yang dihadapi ialah tidak ada satu platform yang khusus untuk menjadi rujukan oleh responden bagi mendapatkan maklumat berkaitan penulisan dan penerbitan buku. Oleh itu, objektif utama kajian ini ialah mewujudkan saluran maklumat yang berpusat dan berkesan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja. Bagi memastikan capaian ini berhasil alat ukuran *plan, do, control and action* telah diguna pakai bagi menguji keberkesanan produk inovasi ini. Selepas uji lari dibuat, didapati jangka masa untuk mengakses capaian ini hanya mengambil masa satu hingga dua minit berbanding sebelum capaian ini dibangunkan dengan mengambil masa selama 24 jam dan kadangkala memakan masa lebih lama untuk mencari maklumat yang diperolehi kerana maklumat yang diperolehi sebelum ini tidak berpusat. Justeru, hasil produk inovasi ini adalah diharapkan dapat membantu kakitangan UiTM Cawangan Kedah dalam mendapatkan maklumat penulisan dan penerbitan buku dengan cepat, menjimatkan masa dan menjadikan proses penulisan lebih berkesan. Produk ini juga diharapkan memperoleh hak cipta dan memberi impak kepada semua UiTM kampus di Malaysia bahawa betapa pentingnya saluran maklumat berpusat ini dibuat. Selain itu, ianya dapat mencipta persekitaran yang kondusif antara staf UiTM bagi mewujudkan satu budaya penulisan dan seterusnya dapat menyumbang kepada petunjuk prestasi utama UiTM secara

keseluruhannya.

©2022 UiTM Kedah. All rights reserved.

1. Pengenalan

Penerbit UiTM yang dahulu dikenali sebagai Unit Penerbitan Akademik (UPENA) telah lama diwujudkan sejak tahun 1981. Banyak pembaharuan telah dilaksanakan bagi menggalakkan kakitangan UiTM untuk terus berkarya dan menerbitkan buku. Hal ini disokong oleh Drosou *et al.* (2020) yang menyatakan penerbitan hasil akademik merupakan keperluan yang penting untuk pembangunan kerjaya dan merupakan sebahagian proses penyelidikan yang perlu melalui proses penilaian dan perkongsian pengetahuan. Hal ini juga adalah salah satu petunjuk prestasi bagi pensyarah khususnya untuk menerbitkan buku di bawah Penerbit UiTM selaras dengan visi dan misi Penerbit UiTM. Menerusi laman sesawang UiTM, visi Penerbit UiTM ialah ingin menjadi salah satu penerbit yang terulung di peringkat dunia (<http://penerbit.uitm.edu.my>). Manakala, misi Penerbit UiTM pula ialah ingin menjadi salah satu penerbit yang terunggul di peringkat tempatan. Tambahan pula, tiga objektif telah ditetapkan bagi memastikan visi dan misi Penerbit UiTM dapat dicapai iaitu; pertama, menyediakan perkhidmatan yang profesional dan berkualiti tinggi bagi mewujudkan hubungan yang baik antara Penerbit UiTM dengan penulis. Kedua, mewujudkan rangkaian bersama pelanggan sama ada di peringkat tempatan mahupun di peringkat global dan pada masa yang sama mempromosi penerbitan yang berkualiti tinggi. Ketiga, memasarkan penerbitan yang berkualiti tinggi secara agresif bagi mencapai aspirasi UiTM dengan menjadikan salah satu universiti yang dikenali pada peringkat tempatan mahupun global.

Melalui visi, misi dan objektif yang dinyatakan di atas, jelas sekali Penerbit UiTM amat komited dan berdedikasi dalam memastikan buku yang berkualiti tinggi dapat dihasilkan. Oleh itu, kemahiran dan pengetahuan dalam bidang penulisan adalah amat penting bagi mencapai standard kualiti yang telah ditetapkan. Menurut Petrova dan Coughlin (2012), bukan sahaja kemahiran dalam penulisan diperlukan tetapi keyakinan dan motivasi untuk menulis juga diperlukan bagi setiap penulis. Ini selari dengan situasi yang berlaku di UiTM Cawangan Kedah, iaitu antara punca yang menyebabkan kakitangan UiTM tidak bermotivasi menulis buku adalah kerana kekangan masa. Kekangan masa ini merujuk kepada kakitangan UiTM perlu menjalankan tugas hakiki seperti mengajar dan pada masa yang sama perlu menjalankan penyelidikan, tugas pentadbiran dan tugas-tugas lain yang menyebabkan pensyarah dan kakitangan bukan akademik berasa kurang minat untuk menulis buku. Walaupun ada yang berminat untuk menulis buku tetapi terdapat masalah yang lain perlu dihadapi, iaitu kesukaran mendapat panduan menulis buku, kurang jelas tentang prosedur penerbitan buku, tiada templat yang seragam untuk menulis buku, tiada saluran maklumat yang berpusat, tidak tahu terdapat borang yang perlu diisi, tidak pasti jenis buku yang boleh dihasilkan, tidak pasti tempoh masa yang diambil untuk menerbitkan buku dan kurangnya promosi.

Walaupun terdapat kemudahan yang boleh diakses oleh warga UiTM melalui laman web Penerbit UiTM, namun maklumat yang diperlukan tidak mencukupi dan warga UiTM perlu mengambil inisiatif untuk bertanya menggunakan saluran yang lain seperti bertanya kepada pegawai Penerbit UiTM, penyelaras kampus, e-mel penerbit UiTM dan saluran-saluran lain berhubung dengan hal penulisan dan penerbitan buku di bawah Penerbit UiTM. Ini membuktikan maklumat berhubung dengan penerbit UiTM tidak diletakkan pada satu tempat berpusat yang membolehkan kakitangan UiTM mudah untuk membuat rujukan. Oleh itu, satu inisiatif diambil

untuk memastikan semua warga UiTM Cawangan Kedah dapat mendapat maklumat penulisan dan penerbitan buku dalam masa yang singkat dan cepat. Maka, tercetuslah idea untuk membangunkan i-source UiTM Press 2 U yang merupakan satu capaian berpusat bagi memudahkan warga UiTM Cawangan Kedah memperoleh maklumat yang diperlukan.

Projek ini dibangunkan hasil kerjasama ahli kumpulan selepas mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh kakitangan UiTM melalui tinjauan berbentuk soal selidik dan pemerhatian. Hasil tinjauan dan pemerhatian yang dibuat, didapati masalah utama yang dihadapi ialah tidak ada satu platform yang khusus untuk dirujuk oleh responden bagi mendapatkan maklumat berkaitan penulisan dan penerbitan buku. Dengan perkembangan teknologi yang kian maju, adalah menjadi tanggungjawab Penerbit UiTM untuk mengemaskini sistem yang sedia ada bagi memudahkan penulis untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Bukan sahaja proses penulisan dan penerbitan yang berubah tetapi juga evolusi dalam membaca buku juga turut berubah (MacKenzie, 2013). Justeru, hasil produk inovasi ini adalah diharapkan dapat membantu kakitangan UiTM Cawangan Kedah mendapatkan maklumat penulisan dan penerbitan buku dengan cepat, menjimatkan masa dan menjadikan proses penulisan lebih berkesan. Produk ini juga diharapkan memperoleh hak cipta dan memberi impak kepada semua UiTM kampus di seluruh Malaysia bahawa betapa pentingnya saluran maklumat berpusat ini dibuat. Selain itu, ianya dapat mencipta persekitaran yang baik antara kakitangan UiTM dengan mewujudkan satu budaya penulisan dan seterusnya dapat menyumbang kepada petunjuk prestasi utama kepada UiTM secara keseluruhannya.

2. Metodologi

Permasalahan Projek

Projek pembangunan pautan berpusat i-source UiTM Press 2 u di laman web UiTM Kedah ini diperolehi hasil daripada penelitian permasalahan mengenai kesukaran mendapatkan maklumat berpusat seperti panduan penulisan, borang yang perlu diisi, proses penghantaran dan penerbitan buku yang rumit dan kurang jelas. Permasalahan awal ini timbul apabila terdapat ramai penulis yang terdiri daripada kakitangan akademik dan bukan akademik yang berminat untuk menghasilkan penulisan atau manuskrip yang telah siap ditulis menghubungi pihak Unit Penerbitan UiTM Kedah untuk bertanyakan mengenai maklumat berkaitan proses penghantaran manuskrip dan prosedur penerbitan buku, namun tiada satu tempat atau saluran maklumat yang berpusat yang boleh dirujuk. Meskipun Unit Penerbitan mempunyai laman web sendiri, akan tetapi tidak semua maklumat diletakkan dalam satu tempat seperti templat penulisan dan panduan menulis manuskrip. Hal ini menyebabkan banyak masa dan tenaga dibazirkan untuk proses pencarian. Secara spesifiknya, masa yang diambil memakan satu atau dua hari kerana setiap maklumat atau dokumen yang diperlukan tidak diletakkan pada satu tempat yang khusus. Permasalahan ini juga diutarakan oleh wakil-wakil dari UiTM cawangan lain yang menyatakan masalah yang sama.





Justeru, kumpulan kami telah menjalankan soal selidik ke atas kakitangan UiTM Cawangan Kedah untuk mendapatkan hasil tinjauan dan data yang lebih tepat untuk permasalahan ini. Kumpulan kami telah mengedar borang soal selidik kepada 50 orang responden dalam kalangan warga UiTM Cawangan Kedah. Responden yang dipilih khusus kepada responden yang pernah menulis buku dan berminat untuk menulis buku. Pengedaran soal selidik dibuat dalam talian iaitu menggunakan *Google form* kerana pada tahun 2021 kerajaan Malaysia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana semua rakyat Malaysia perlu bekerja dari rumah kecuali sektor-sektor penting. Tidak dinafikan penerbitan buku merupakan salah satu tanda aras

penting dalam mengukur pencapaian dan prestasi ahli akademik. Oleh itu, kajian berkaitan dengan pengenalpastian halangan penerbitan dalam kalangan pensyarah merupakan satu aspek penting yang perlu dikaji kerana ia dapat membantu menyediakan maklumat penting kepada pihak pengurusan tertinggi universiti. Selain itu, untuk membantu membangunkan strategi yang bersesuaian dengan tujuan untuk melonjakkan penerbitan dalam kalangan ahli akademik (Ibrahim, et al., 2017).

4. Kaedah Pembangunan Projek


Proses penerbitan buku yang sedia ada adalah melibatkan beberapa langkah tertentu bermula dengan penyediaan manuskrip. Penyediaan manuskrip adalah dengan menggunakan templat dan merujuk kepada panduan yang telah ditetapkan oleh Penerbit UiTM. Namun begitu, dokumen seperti templat dan panduan penyediaan manuskrip hanya boleh diperolehi dengan cara menjejaki emel-emel yang pernah dikeluarkan oleh pihak Penerbit UiTM. Setelah manuskrip siap ditulis, penulis perlu menyediakan borang-borang yang telah ditetapkan oleh pihak Penerbit UiTM Shah Alam. Borang-borang ini juga perlu dicari melalui beberapa emel yang telah dihantar oleh pihak Penerbit UiTM Shah Alam. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, didapati proses pencarian emel sama ada mencari templat, panduan penulisan atau pun borang, sememangnya mengambil masa yang agak lama. Tambahan pula, hasil tinjauan daripada soal selidik, didapati penilaian proses penerbitan buku yang sedia ada menunjukkan terdapat kelemahan dalam penyediaan satu saluran yang berpusat bagi memudahkan para penulis menyediakan manuskrip masing-masing.

Hal ini dapat dibuktikan pada Rajah 1, proses penghantaran dan penerbitan manuskrip dapat dirumuskan dalam bentuk carta alir proses yang perlu dilalui oleh setiap pensyarah dan kakitangan bukan akademik sebelum pautan berpusat i-source UiTM Press 2 U dibangunkan.

Gambarajah	Penerangan
	<p>Rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hebahan emel UiTM Press (Template, Panduan Menyiediakan Manuskrip)
	<p>Muat turun borang – borang yang diperolehi dari emel edaran UiTM Press</p>
	<p>Penghantaran melalui emel UiTM Press</p>
	

Rajah 1: Carta alir sebelum pembangunan i-source UiTM Press 2 U

Mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada warga UiTM Cawangan Kedah, adalah menjadi tanggungjawab Penerbit UiTM Cawangan Kedah untuk menambahbaik prosedur atau sistem yang sedia ada dengan tujuan untuk memudahkan semua penulis dapat menulis dan menerbitkan buku dengan cara yang lebih sistematik. Oleh itu, hasil *brainstorming* dan perbincangan daripada kumpulan kami, maka i-source UiTM Press 2 U dibangunkan. Rajah 2 menunjukkan satu carta alir proses yang telah ditambahbaik selepas pautan berpusat i-source UiTM Press 2 U dibangunkan. Bermula dengan penulis menyediakan manuskrip mengikut templat yang disediakan, selepas manuskrip siap, penulis perlu mengisi borang pengesahan daripada *Resource Person* atau Pakar Rujuk, borang KA001 dan KA002 sekiranya melibatkan buku teks, rujukan dan latihan berhubung dengan subjek yang diajar. Selepas borang siap diisi, penulis perlu menghantar manuskrip melalui Penerbit UiTM. Melalui carta alir yang telah diubahsuai, jelas menunjukkan penulis dapat merujuk semua maklumat secara berpusat pada satu saluran yang tetap iaitu pada pautan i-source UiTM Press 2 U di laman sesawang Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kedah.



Rajah 2: Carta alir selepas pembangunan i-source UiTM Press 2 U

Pembangunan i-source UiTM Press 2 U

Pelaksanaan projek pautan berpusat i-source UiTM Press 2 U dibangunkan selepas melalui fasa-fasa berikut: perancangan (*plan*), analisis dan reka bentuk (*analysis & design*), pembangunan projek (*development*), ujicuba (*testing*), perlaksanaan (*implementation*) dan penyeragaman (*standardization*).

Fasa pertama, iaitu perancangan melibatkan proses mendapatkan maklumat bagi menjalankan proses penambahbaikan carta alir proses penerbitan sedia ada. Maklumat diperolehi dengan membuat temubual beberapa kakitangan UiTM Cawangan Kedah yang terdiri daripada kalangan ahli akademik dan pentadbiran iaitu seramai 10 orang yang baru mula menulis mahupun yang sudah menulis buku. Selain itu, soal selidik turut diedarkan melalui pautan *Google Form* untuk mengenalpasti sejauh mana masalah yang dihadapi oleh penulis. Penyediaan nama untuk membangunkan pautan ini juga turut dibincangkan supaya mudah disebut dan diingati. Beberapa nama yang telah dicadangkan ialah *i-source 2 U*, *One Step Publication Procedure*, *i-source UiTM Press 2 U* dan *One-Stop Center Book Publication*. Selepas perbincangan dibuat dan disepakati, semua ahli kumpulan sebulat suara bersetuju untuk memilih nama *i-source UiTM Press 2 U*. Nama ini membawa maksud semua maklumat berkaitan dengan penulisan dan penerbitan buku, boleh didapati dalam satu saluran maklumat yang berpusat.

Fasa kedua ialah proses analisis dan reka bentuk yang merangkumi penyediaan dokumen-dokumen yang akan diletakkan dalam pautan berkenaan dan lokasi cadangan untuk

penempatan pautan tersebut. Kumpulan kami mengenalpasti senarai dokumen berhubung dengan penulisan dan penerbitan yang perlu dimasukkan dalam pautan selepas membuat tinjauan menggunakan soal selidik. Selain itu, lokasi cadangan pautan turut dibincangkan supaya warga UiTM Cawangan Kedah yang berminat menulis mudah untuk membuat capaian.


Pada peringkat pembangunan, pautan dibangunkan yang dinamakan i-source UiTM Press 2 U ditempatkan pada bahagian *Publication* di laman sesawang UiTM Cawangan Kedah (Rujuk Rajah 3). Pautan ini dibangunkan oleh Pegawai Teknologi Maklumat UiTM Cawangan Kedah di mana kumpulan kami memberikan semua maklumat yang diperlukan untuk dimasukkan dalam pautan tersebut. Tempoh untuk membangunkan pautan ini mengambil masa dalam tiga hari sahaja.

Fasa uji cuba dilaksanakan dengan melibatkan lima orang responden yang terdiri daripada kakitangan akademik dan bukan akademik UiTM Cawangan Kedah bagi tujuan kelancaran pautan yang disediakan. Uji cuba dilaksanakan dengan melihat kecepatan penulis untuk mendapatkan maklumat penulisan dan penerbitan yang diperlukan. Hasil uji cuba didapati maklumat yang diperlukan cepat dan lebih sistematik.

Seterusnya, fasa pelaksanaan dilakukan dengan menguar-uarkan kepada seluruh warga UiTM Cawangan Kedah berkenaan pautan i-source UiTM Press 2 U. Kumpulan kami menyebarkan pautan ini dengan mengadakan webinar bersiri berhubung dengan penulisan buku dan secara tidak langsung menerangkan penggunaan i-source UiTM Press 2 U. Borang tinjauan secara dalam talian disediakan bagi mengenal pasti tahap kepuasan penggunaan pautan i-source UiTM Press 2 U. Hasil tinjauan didapati kesemua responden, iaitu seramai 50 orang berpuas hati dengan pautan yang dibangunkan dan beberapa cadangan telah dikemukakan oleh responden untuk dibuat penambahbaikan.

Fasa terakhir adalah melibatkan penyeragaman di mana surat permohonan kepada Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri dan Pengerusi Jawatan Teknikal Peralatan UiTM Cawangan Kedah untuk penggunaan i-source UiTM Press 2 U yang telah dikeluarkan. Dengan penyeragaman ini, maka pemantauan secara berterusan perlu dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikan pada masa akan datang.

Rajah 3 menunjukkan pautan i-source UiTM Press 2 U yang telah disediakan di laman web UiTM Cawangan Kedah.



Rajah 3: Pautan i-source UiTM Press 2 U

Rajah 4 menunjukkan kandungan dokumen-dokumen yang disediakan untuk kegunaan penulis-penulis buku. Antara maklumat yang disediakan pada pautan i-source UiTM Press 2 U adalah panduan proses penghantaran buku, senarai penerbit yang diiktiraf dibawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), kriteria ISBN, borang-borang untuk penerbitan, panduan penyediaan manuskrip, templat buku dan ruangan soalan-soalan lazim.

Universiti Teknologi Malaysia

Cerapan Kokoh
Kampus Sejahtera
Unleashing Potential
Shaping the Future

[HOME](#)
[ACADEMICS](#)
[PUBLICATION](#)
[RESEARCH](#)
[DIRECTORY](#)
[FACILITY](#)
[CORPORATE](#)

i-source UiTM Press 2 U
▼

PROSES PENGHANTARAN DAN PENERBITAN BUKU
i-source UiTM Press 2 U

Gambarajah	Penerangan
	<p>Tampoh: 6 bulan – 1 tahun</p> <p>Rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Template (https://bit.ly/3trFzQY) - Panduan menyediakan manuskrip (https://bit.ly/3trFzQY)
	<p>Mengisi borang:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Borang Pengesahan Resource Person (https://bit.ly/3t1fzCS) - Borang KA 001 (https://bit.ly/3trFzQY) - Borang KA 002 (https://bit.ly/3hD1zq)
	<p>Alamat emel: penerbit@uttm.edu.my</p>
	<p>Rujukan: https://bit.ly/3trFzQY</p>

1. Penerbit Yang Diiktiraf Di Bawah MAPIM
2. Kriteria ISBN
3. Borang Pengesahan Resource Person
4. Borang KA 001
5. Borang KA 002
6. Penyediaan Manuskrip
7. Template Buku
8. Carta Alir Proses Penerbitan
9. Soalan Lazim

Rajah 4: Kandungan Pautan i-source UiTM Press 2 U

Dengan penghasilan pautan i-source UiTM Press 2 U, kumpulan kami telah berjaya mewujudkan satu inovasi capaian maklumat berhubung dengan penulisan dan penerbitan yang lebih berpusat dan sistematik

5. Keberhasilan projek

Penghasilan projek baharu yang mampu memberikan impak khususnya kepada keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan sesebuah jabatan adalah sangat digalakkan. Sejarar dengan inisiatif untuk peningkatan kepuasan hati pelanggan, Penerbit UiTM Cawangan Kedah melaksanakan inisiatif mewujudkan pautan i-source UiTM Press 2 U yang mana sedikit sebanyak memberikan impak yang positif terhadap keberhasilan projek yang diusahakan. Pautan i-source UiTM Press 2 U merupakan salah satu hasil dari inovasi penyampaian perkhidmatan yang tercipta daripada terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk pengubahsuaian proses penyampaian maklumat panduan penulisan buku, proses penerbitan buku, templat penerbitan buku dan apa yang lebih tepat medium ini berperanan sebagai satu saluran yang berpusat dan amat memudahkan semua staf UiTM Cawangan Kedah untuk membuat capaian. Hasil daripada projek ini, terdapat tiga manfaat yang diperolehi oleh semua staf UiTM Cawangan Kedah.

Manfaat keberhasilan pertama dengan penghasilan inovasi i-source UiTM Press 2 U dapat dilihat dalam aspek nilai tambah dari sudut wujudnya satu sistem maklumat yang berpusat. Keberhasilan projek ini secara tidak langsung dapat meningkatkan nilai tambah ke atas khidmat yang diberikan oleh Penerbit UiTM Cawangan Kedah kepada staf UiTM Cawangan Kedah umumnya. Sekaligus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ke arah perkhidmatan yang lebih lancar dan liputan yang lebih meluas. Dengan kaedah yang ditambah baik ini, secara tidak langsung akan meningkatkan tahap kepuasan staf UiTM Cawangan Kedah terhadap khidmat yang disediakan oleh Penerbit UiTM Cawangan Kedah. Ini terbukti dengan wujudkan pautan yang boleh di akses oleh semua staf UiTM Kedah dengan mudah melalui link iaitu: <https://kedah.uitm.edu.my/publication>. Inovasi pautan ini memudahkan maklumat penulisan dan penerbitan buku diperolehi dengan mudah kerana mempunyai satu saluran maklumat berpusat.

Manfaat keberhasilan kedua ialah projek i-source UiTM Press 2 U dapat diterjemahkan dalam bentuk penjimatan masa. Pautan ini memberi manfaat kepada pengguna yang mengakses maklumat melalui pautan yang diwujudkan. Masa yang diperuntukkan oleh seorang penulis untuk mencari maklumat berkaitan proses penulisan mahupun proses penghantaran buku dapat dicapai dengan cepat dan mudah melalui pautan yang telah disediakan. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi iaitu 99.91% masa dapat dijitamkan selepas pautan ini dibuat berbanding masa yang diambil sebelum ini memakan masa satu hari. Ini kerana semua maklumat yang diperlukan oleh penulis dapat diperolehi melalui pautan yang telah diletakkan di dalam laman sesawang UiTM Cawangan Kedah. Pencapaian penjimatan masa ini juga adalah selari dengan matlamat khidmat pelanggan Penerbit UiTM, iaitu untuk menghasilkan buku berkualiti tinggi dengan masa yang munasabah.

Manfaat keberhasilan ketiga projek i-source UiTM Press 2 U ialah, warga UiTM Cawangan Kedah telah mewujudkan satu carta alir yang mudah serta mesra pengguna bagi mengetahui proses mendapatkan panduan penulisan, penghantaran dan penerbitan buku lebih yang berkesan dan sistematik. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat yang diperlukan seperti panduan menulis manuskrip, templat, borang yang perlu diisi, dan proses penerbitan buku telah disediakan dalam satu saluran yang berpusat. Berbeza dengan carta alir sebelum ini agak rumit

dan tidak menunjukkan satu aliran yang difahami. Oleh itu hal ini perlu diambil kira oleh Penerbit UiTM supaya kakitangan UiTM Cawangan Kedah lebih bersemangat untuk menulis. Hal ini turut disokong oleh Petrova dan Caughlin (2012) yang menyatakan kemahiran penulisan amat penting khususnya bagi penulis yang baru berjinak untuk membuat penulisan, tetapi tidak lupa juga, keyakinan dan motivasi kepada penulis perlu ditingkatkan supaya penulis baru sentiasa bersemangat untuk terus berkarya.

Manakala dari aspek impak projek ini, terdapat tiga impak yang dikenalpasti hasil daripada pembangunan pautan ini. Pertama, proses penulisan dan penerbitan buku meningkat pada tahun 2021 berbanding pada tahun 2020. Kedua, aduan berhubung Penerbit UiTM kian berkurang daripada sosial media, emel Penerbit UiTM dan juga Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri. Terakhir sekali, pautan ini telah memberi motivasi kepada kakitangan UiTM Cawangan Kedah untuk terus berkarya. Hasil dan impak daripada projek ini juga sebenarnya dapat direplikasikan dalam semua bahagian UiTM Cawangan Kedah sama ada dalam bahagian akademik mahupun bukan akademik. Setiap bahagian perlu mewujudkan satu saluran maklumat berpusat dengan menyediakan carta alir beserta dokumen yang lengkap bagi memudahkan semua staf atau pelajar yang terlibat dapat dicapai dengan mudah. Sebagai contoh, i-source UiTM Press 2 U boleh direplikasikan kepada Bahagian Kewangan, UiTM Cawangan Kedah dalam proses permohonan bayaran honorarium penceramah. Dengan mewujudkan satu saluran maklumat yang berpusat untuk proses permohonan bayaran tersebut, pengguna dapat mengetahui proses permohonan dengan lebih jelas melalui carta alir dan memperolehi dokumen yang diperlukan dengan lebih mudah.

Sehubungan dengan itu, adalah amat penting Unit Penerbitan UiTM menggerakkan jentera untuk memastikan maklumat yang diperolehi dapat disampaikan kepada pelanggan, iaitu kakitangan akademik UiTM. Hasil produk inovasi ini juga diharapkan dapat membantu kakitangan UiTM Cawangan Kedah dalam mendapatkan maklumat penulisan dan penerbitan buku dengan cepat, dapat menjimatkan masa dan menjadikan proses penulisan lebih berkesan. Oleh itu, setiap organisasi tidak kira daripada sektor mana, perlu berusaha untuk memperbaiki mutu dalam penyampaian maklumat. Sekiranya maklumat yang ingin disampaikan cukup dan jelas, terletak pada satu tempat yang berpusat serta mudah mesra, maka petunjuk prestasi utama bagi sesebuah organisasi dapat dicapai dan secara tidak langsung kepuasan pekerja dapat ditingkatkan.

6. Kesimpulan

Pembangunan pautan i-source UiTM Press 2 U di laman web UiTM Kedah dapat mewujudkan satu saluran maklumat yang berpusat berhubung dengan Penerbit UiTM. Pautan ini merupakan satu platform yang dapat dirujuk oleh semua kakitangan UiTM Cawangan Kedah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan penulisan dan penerbitan buku di bawah penerbitan UiTM seperti panduan menulis manuskrip, templat manuskrip, borang yang perlu diisi, proses penerbitan buku, soalan lazim, kriteria ISBN dan penerbit yang diiktiraf oleh MAPIM. Selain itu, i-source UiTM Press 2 U juga menyediakan carta alir bagi setiap proses penulisan dan penerbitan buku di bawah UiTM Press beserta dokumen yang diperlukan. Carta alir tersebut yang mesra pengguna dapat membantu warga UiTM Cawangan Kedah mengetahui proses penulisan dan penerbitan buku dengan lebih jelas dan cepat. Jelas sekali maklumat seperti ini dapat memudahkan kakitangan menghasilkan dan menerbitkan buku dengan Penerbit UiTM. Melalui pautan tersebut, warga UiTM Kedah dapat menjimatkan masa untuk mendapatkan semua maklumat yang berkaitan dan seterusnya dapat menulis dan menghantar buku ke Penerbit UiTM untuk diterbitkan.

Walaupun bagaimanapun, dalam penghasilan projek ini terdapat kekangan yang perlu dilalui. Antaranya ialah kekangan masa dalam membangunkan projek i-source UiTM Press 2 U kerana perlu memberi komitmen terhadap tugas yang lain dan pergerakan yang agak terbatas untuk mengadakan mesyuarat serta berurusan dengan beberapa pihak berkepentingan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Oleh itu, untuk cadangan pada masa akan datang, diharapkan i-source UiTM Press 2 U dapat ditambah baik dengan menyediakan dokumen digital yang dapat diisi dalam talian oleh pengguna untuk menghantar manuskrip yang dihasilkan untuk diterbitkan oleh Penerbit UiTM. Selain itu, diharapkan satu perisian templat penulisan manuskrip dapat dibangunkan yang bertujuan untuk memudahkan semua kakitangan UiTM Cawangan Kedah untuk menulis buku. Perisian ini juga berpotensi untuk dikomersilkan dengan menggalakkan pengguna bukan sahaja daripada UiTM Cawangan Kedah, malah digunakan oleh semua peringkat institusi.

Kajian ini juga turut memberi implikasi terhadap beberapa pihak, iaitu pertama kepada organisasi iaitu prestasi petunjuk utama atau *Key Performance Indicator (KPI)* pensyarah dan staf dapat dipenuhi. Begitu juga KPI universiti dapat dicapai khususnya Penerbit UiTM kerana ingin menghasilkan buku yang berkualiti bukan sahaja di peringkat tempatan malah di peringkat antarabangsa. Kedua, implikasi kepada pihak industri iaitu persaingan industri buku semakin sihat kerana galakan dalam penulisan dan penerbitan buku dapat dilaksanakan secara efektif. Ketiga, implikasi kepada negara iaitu menjadikan masyarakat cintakan ilmu melalui penulisan buku selari dengan Dasar Wawasan Kemakmuran Negara 2030 yang ingin menjadikan masyarakat peribelajar. Terakhir sekali implikasi kepada peringkat antarabangsa iaitu kualiti pendidikan dapat ditingkatkan kerana menyemarakkan kecintaan ilmu melalui penulisan buku serta mempergiatkan inovasi dalam bidang penulisan serta penyediaan infrastruktur yang lengkap dalam penulisan dan penerbitan buku selari dengan matlamat pembangunan kelestarian atau *Sustainable Development Goals (SDG)*.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas ditujukan kepada Unit Pengurusan Kualiti UiTM Cawangan Kedah yang telah berjaya menganjurkan pertandingan KIK Peringkat Zon Utara 2022. Ucapan Penghargaan ditujukan juga kepada TRek PJI, UiTM Kedah di atas sokongan yang diberikan terhadap cetusan idea untuk mewujudkan pasukan KIK yang membawa idea berhubung isu berkaitan pengurusan proses penerbitan khasnya aktiviti yang menjadi tanggungjawab utama di bawah pasukan Penerbitan UiTM Cawangan Kedah khasnya. Terima kasih juga diucapkan di atas peluang yang telah diberikan kepada kumpulan kami untuk menghasilkan satu produk inovasi iaitu i-source UiTM Press 2 U. Kumpulan kami yang bernama Kaizen Blitz juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas sokongan, bimbingan dan bantuan yang telah diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada pengurusan tertinggi UiTM Cawangan Kedah serta Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQka) yang memberi peluang dalam berkongsi idea kreatif di dalam penulisan VOA dan juga peluang untuk penerbitan.

RUJUKAN

Drosou, N. et al. (2020). Overcoming fears: a pathway to publishing for early career researchers: *Disaster Prevention and Management: An International Journal*, 29(3), 340–351. doi: 10.1108/DPM-07-2019-0197.

Ibrahim, F., Mahmud, M., Salman, A., & Ismail, A. (2017). Halangan Penerbitan Dalam Kalangan Pensyarah Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan: Suatu Kajian Preliminari, *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(2),074-086.

MacKenzie, I. S. (2013). Writing and Publishing a Research Paper: Human-computer Interaction, 293–318. doi: 10.1016/b978-0-12-405865-1.00008-x.

Penerbit UiTM. (2021). Retrieved from <https://penerbit.uitm.edu.my/index.php/corporate/about-us>

Petrova, P. and Coughlin, A. (2012). Using structured writing retreats to support novice researchers: *International Journal for Researcher Development*, 3(1), 79–88. doi: 10.1108/17597511211278661.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



9 772682 784004



ISSN: : 1985-5079